

R 8884 AAB
MAHATHIR-MANDELA
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 0001 ESOK, 18 JULAI)

I

KUALA LUMPUR, 17 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KELAMBATAN MEMBEBAS NELSON MANDELA, PRESIDEN KONGRES NASIONAL AFRIKA (ANC), AKAN MEMBURUKKAN LAGI PERTIKAIAN KAUM DI AFRIKA SELATAN.

PERDANA MENTERI MENGGESA REJIM PRETORIA SEGERA MEMBEBAS NELSON MANDELA DAN LAIN-LAIN PEMIMPIN POLITIK SERTA BERUNDING DENGAN ANC UNTUK PENUBUHAN KERAJAAN YANG DIPILIH SECARA DEMOKRATIK.

DALAM KENYATAAN WISMA PUTRA BERSEMPENA ULANGTAHUN HARI JADI MANDELA KE 70, BELIAU BERKATA REJIM MINORITI KULIT PUTIH HARUS SEDAR BAHAWA PEMBEBASAN MANDELA ADALAH LANGKAH PERTAMA KE ARAH KEAMANAN DI AFRIKA SELATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA INGIN MELIHAT AFRIKA SELATAN SEBAGAI NEGARA DI MANA RAKYAT DARIPADA SEMUA KUMPULAN KAUM MENIKMATI KEADILAN, KEBEBASAN, HAK POLITIK DAN FAEDAH-FAEDAH EKONOMI YANG SAKSAMA.

KEANGKUHAN REJIM MINORITI KULIT PUTIH AFRIKA SELATAN SEPERTI MENGENAKAN UNDANG-UNDANG YANG MENINDAS, TIDAK AKAN MENCERAHKAN MASA DEPAN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN KESABARAN MANDELA DAN KOMITMENNYA YANG BERTERUSAN BAGI MEWUJUDKAN NEGARA AFRIKA SELATAN BERBILANG KAUM BERDASARKAN PRINSIP-PRINSIP DEMOKRASI BUKAN SAHAJA MENCERMINKAN PENDEKATAN PRAGMATIK TETAPI JUGA KEAZAMANNYA MEMPERJUANGKAN KEBEBASAN BANGSANYA.-- BERNAMA

1257MST 17 07 88